



SYARAT KELAYAKAN

PERMOHONAN UNTUK DITERIMA MASUK SEBAGAI PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS

(Seksyen 17 Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 2024)

17. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak diterima masuk sebagai Peguam Syarie:-

- (a) seorang yang beragama Islam dan berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) berkelakuan baik; dan –
 - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil kecuali dibenarkan oleh Jawatankuasa; dan
 - (ii) bukan seorang yang bankrap di Malaysia; dan
- (d) sama ada;
 - (i) seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah subkaedah (2); atau
 - (ii) seorang peguambela atau peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] dengan syarat ia tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang peguambela dan peguamcara dan mempunyai diploma lanjutan guaman syarie mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

(2) Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah perenggan(1)(d) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- (a) jika seseorang itu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Sarjana Muda Undang-Undang dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dia hendaklah juga mempunyai -
 - (i) mana-mana diploma lanjutan dalam bidang pentadbiran kehakiman Islam dan guaman syarie yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
 - (ii) telah tamat latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar selama tempoh enam bulan dengan mana-mana firma guaman syarie; atau
- (b) jika seseorang itu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, dia telah tamat latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar selama tempoh enam bulan dengan mana-mana firma guaman syarie; dan
- (a) telah lulus peperiksaan bertulis dan/atau lulus temu duga peguam syarie.

(3) Jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya dengan permohonan, mengecualikan seseorang yang berkelayakan daripada menjalani latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar.